



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI  
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI SABAH TAHUN 2020**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada

2 Disember 2021. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 21 Mac 2022 setelah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, lima perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara, iaitu Kerajaan negeri perlu mengambil perhatian kepada perkara seperti berikut:

3.1.1. menyediakan polisi, garis panduan dan terma perjanjian yang jelas dan terperinci bagi pelaburan yang diuruskan oleh Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. menggunakan dana pinjaman perumahan. Ini bagi memastikan pelaporan baki pelaburan dan pendapatan faedah dalam penyata kewangan adalah tepat;

3.1.2. menyediakan garis panduan pengurusan deposit am yang merangkumi tatacara penerimaan, bayaran balik, penyelenggaraan daftar subsidiari, penyediaan penyata penyesuaian, semakan dan pemantauan supaya baki akaun yang dilaporkan adalah tepat;

3.1.3. menjalankan siasatan terhadap kesilapan bayaran berganda yang berlaku pada tahun 2018 dan 2020 bagi mengenal pasti punca sebenar serta memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan segera. Tindakan perlu diambil dengan segera untuk mengutip amaun terlebih bayar;

3.1.4. menyiasat ketidakakuran pengurusan bayaran tuntutan tertunggak sejak tahun 2015 hingga 2019 yang tidak mempunyai baki peruntukan dan dibayar menggunakan pendahuluan diri di bawah Arahan Perbendaharaan 54. Perolehan yang tidak mematuhi peraturan kewangan perlu dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 59, iaitu tatacara pembayaran bagi perolehan dengan suci hati; dan

3.1.5. menyelesaikan tuntutan bayaran pampasan tanah yang tertunggak melibatkan projek jalan raya Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) hingga Kesepuluh (RMKe-10) yang merupakan hak pemilik tanah serta mengelakkan kerugian akibat risiko perundangan.

## **3.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

3.2.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri mencatatkan penurunan sebanyak RM305.95 juta atau 9.4% kepada RM2.947 bilion pada tahun 2020 berbanding RM3.253 bilion pada tahun 2019.

3.2.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan kurangan berjumlah RM934.63 juta, iaitu menurun sebanyak RM1.149 bilion atau 536.3% berbanding lebihan pada tahun 2019 yang berjumlah RM214.24 juta. Pada tahun 2020, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri

berjumlah RM3.591 bilion, iaitu menurun sebanyak RM672.98 juta atau 15.8% berbanding kutipan hasil pada tahun 2019 yang berjumlah RM4.264 bilion.

3.2.3. Pada tahun 2020, sejumlah RM1.220 bilion perbelanjaan pembangunan diluluskan dan sejumlah RM880.13 juta telah dibelanjakan (72.1%). Daripada 819 jumlah projek yang dirancang, 152 projek atau 18.6% telah siap dilaksanakan, 344 projek atau 42% projek sedang dilaksanakan dan 323 projek atau 39.4% belum dilaksanakan.

3.2.4. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM129.85 juta atau 10.8% daripada RM1.207 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.337 bilion pada tahun 2020.

3.2.5. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM88.08 juta atau 3.2% menjadi RM2.656 bilion berbanding RM2.744 bilion pada tahun 2019.

3.2.6. Pada akhir tahun 2020, tunggakan hasil negeri mencatatkan peningkatan sebanyak RM32.84 juta atau 6.2% kepada RM560.48 juta berbanding tunggakan tahun 2019 sejumlah RM527.64 juta.

### **3.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

3.3.1. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 43 daripada 45 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Sebanyak 28 daripada 43 penyata

kewangan tahun 2020 yang diterima telah disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

<b>JENIS SIJIL</b>	<b>BILANGAN</b>	
	<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>
Pendapat Tanpa Teguran	8	15
Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matter (EOM)	-	1
Pendapat Berteguran	1	3
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>19</b>

3.3.2. Sebanyak 29 penyata kewangan agensi tahun 2019 yang belum dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah Tahun 2019 telah disahkan dan disijilkan yang terdiri daripada 16 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 13 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

<b>JENIS SIJIL</b>	<b>BILANGAN</b>	
	<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>
Pendapat Tanpa Teguran	6	5
Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matter (EOM)	2	3
Pendapat Berteguran	8	5
<b>JUMLAH</b>	<b>16</b>	<b>13</b>

### **3.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri**

Pada tahun 2020, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan melibatkan satu jabatan dan dua agensi. Antara perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **3.4.1. Perolehan Kontrak Membekal Makanan Harian Bermasak di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah**

Pembayaran terhadap tempahan tidak layak berjumlah RM54,092.20 bagi pembekalan makanan harian bermasak.

#### **3.4.2. Hasil Syer Majlis Program Perumahan Rakyat di Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran**

- a. Syer Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran kurang diterima berjumlah RM156,174; dan
  - b. Kutipan sewa tertunggak tidak diserahkan kepada Majlis Perbandaran Sandakan oleh syarikat pengurusan berjumlah RM0.52 juta.
4. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 14 syor Audit dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2020.

5. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 21 Mac 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 21 Mac 2022 selepas jam 3.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

21 Mac 2022

18 Syaaban 1443H